



## Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran

Wan Suzita Wan Ibrahim<sup>1</sup>, Habibah Ahmad<sup>1</sup>, Hamzah Jusoh<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Habibah Ahmad (email: [ha@ukm.edu.my](mailto:ha@ukm.edu.my))

### Abstrak

Menerusi pelan pembangunan pelancongan wilayah di Malaysia, pelbagai produk pelancongan telah dikenalpasti antaranya pelancongan tanah tinggi. Keunikan, keindahan alam sekitar, khazanah tinggalan sejarah, iklim yang sejuk dan habitat flora serta fauna menjadi punca utama kawasan ini berpotensi sebagai destinasi pelancongan utama pada masa kini. Di samping itu, tanah tinggi turut berfungsi sebagai kawasan pertanian, petempatan dan tadahan air. Namun, pembangunan yang pesat dan tidak terkawal menyebabkan berlakunya perubahan fizikal dan menimbulkan pelbagai masalah seperti pencemaran alam sekitar, tanah runtuh, banjir, pemendapan sungai, pencerobohan tanah haram dan sosiobudaya. Permasalahan ini merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak kerajaan dan masyarakat dalam usaha membangunkan pelancongan tanah tinggi sebagai salah sebuah aset pelancongan negara. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk mengkaji potensi dan cabaran tanah tinggi Cameron Highlands dalam pelbagai aspek, termasuk model bagi perancangan dan pembangunan pelancongan tanah tinggi wilayah. Pendekatan kajian adalah berdasarkan analisis dokumen kerajaan seperti Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002 dan Rancangan Tempatan Cameron Highlands 1998-2010. Hasil kajian mendapati Cameron Highlands berpotensi sebagai salah satu destinasi utama pelancongan tanah tinggi. Kajian ini mencadangkan kerjasama pelbagai pihak dilaksanakan bagi menjamin kelestarian pelancongan wilayah terutama di Tanah Tinggi Cameron Highlands.

**Kata kunci:** destinasi pelancongan, ECER, pelancongan tanah tinggi, pelancongan wilayah, potensi, sosio-budaya

## Highlands as main destination in regional tourism: Potential and challenges

### Abstract

In regional tourism development plan in Malaysia, various tourism products have been identified; among others is the highland tourism. The highland's uniqueness, natural beauty, historical heritage, moderate climate and habitat for diversity of flora and fauna are the main reasons these areas become a major tourist region nowadays. In addition, the highlands also serve as areas for agriculture, settlements and watersheds. However, rapid and unregulated development had cause physical changes, and had created variety of problems such as environmental pollution, landslides, flooding, sedimentation of rivers, illegal land invasions and socio-cultural. This problem is a challenge that must be faced by the government and society in order to develop tourism as one of the highland country's tourism assets. Hence, this article aims to explore the potential and challenges of Cameron Highlands in various aspects, including planning and development of regional tourism. The study is based on government documents' analysis such as Pahang State Structure Plan and Local Plan 2002 Cameron Highlands, 1998 to 2010. The study found that the site; Cameron Highlands has full potentials of being a major


highland destination in Malaysia. The study proposed a multi-stakeholder's cooperation at various levels be materialised to ensure regional tourism sustainability, particularly in Cameron Highlands.

**Keywords:** tourism destination, ECER, pelancong, highland tourism, regional tourism, potential, sosio-cultural

## Pengenalan


Pelancongan tanah tinggi adalah salah satu produk pelancongan kecil yang paling berkembang pesat berbanding produk di peringkat negara dan wilayah kerana ia bukan sebahagian dari alam sekitar dan menyimpan pelbagai khazanah flora dan faunamalah berfungsi sebagai kawasan pertanian, petempatan dan tadahan hujan (Jabil, 2012). Perkembangan tanah tinggi dapat dikesan sekitar 1980an di mana pelancongan di negara Tropika lebih tertumpu di kawasan tinggi kerana memiliki iklim yang sejuk dan memberi kesan terhadap sosio-ekonomi dan pembangunan setempat (Hanifah, 2014). Dalam pada masa yang sama, aspek pemuliharaan, persekitaran dan khazanah alam adalah potensi utama perkembangan pelancongan tanah tinggi malah menjadi pemangkin kepada usaha pemuliharaan dan pembangunan ekonomi masyarakat (Vogt, 2001). Namun pada era 1990an hingga kini, aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi sering menjadi sumber untuk mengaut keuntungan bagi sesetengah pihak sehingga memusnahkan aset semula jadi negara. Ini memperlihatkan pelancongan tanah tinggi mempunyai potensi dan cabaran dalam usaha meningkatkan mutu pelancongan negara.

Pembentukan Wilayah Ekonomi Baru di Malaysia seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) (2008-2020), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) (2007-2025) dan Iskandar Malaysia (2008-2025) memperlihatkan usaha kerajaan dalam memajukan industri pelancongan di mana salah satu strategi menerusi Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (2020) adalah memberi penekanan kepada pelancongan tanah tinggi di peringkat negara, negeri dan wilayah (Rajah 1 & 2). Menilai sudut keberkesanannya, strategi yang diutarakan telah mendapat sokongan dari semua negeri di Malaysia dengan melaksanakan beberapa program dan perancangan negeri antaranya ialah negeri Pahang yang terletak di ECER. Tindakan Kerajaan Negeri Pahang dengan sokongan pihak ECER telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya Pelancaran *My Fest* Negeri Pahang, penyediaan Rancangan Tempatan, Rancangan Struktur dan Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang (PTTP) 2015 adalah langkah serius kerajaan negeri dalam memajukan industri pelancongan. Antaranya menyediakan pelan penambahbaikan ikon pelancongan tanah tinggi, memperkenalkan unsur kualiti, menarik dan kerjasama di antara pihak.



Sumber: Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2001

**Rajah 1.** Pembangunan Pantai Timur dalam Koridor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2001

### Rajah 2. Zon Pelancongan Negeri Pahang

Menerusi Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang 2015, ikon pelancongan tanah tinggi, Cameron Highlands merupakan antara lokasi yang begitu popular di kalangan pelancong domestik dan antarabangsa berdasarkan tinjauan penginapan hotel, sumber tarikan dan pergerakan kemasukan pelancong. Buktinya, kemasukan seramai 692,746 orang pelancong pada tahun 2008 dan meningkat kepada 1,050,000 orang pelancong pada tahun 2015 (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2016). Pencapaian ini menggambarkan lokasi tersebut memiliki sumber tarikan yang menarik dan berpotensi menjadi destinasi pelancongan terkenal di dunia.

Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk melihat potensi dan cabaran pelancongan di tanah tinggi dalam konteks pembangunan produk pelancongan wilayah. Tanah Tinggi Cameron Highlands adalah lokasi yang sesuai untuk dianalisis. Ini untuk memastikan produk ini menjadi nadi utama serta dijangkakan mampu mencapai matlamat pembangunan yang lebih seimbang khususnya Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi di Wilayah ECER.

## Pelancongan tanah tinggi sebagai produk utama pelancongan

Dalam usaha memperkasakan industri pelancongan Malaysia, tumpuan sering kali diberikan kepada keunikan kepelbagaian produk kerana Malaysia dianugerahkan dengan pelbagai sumber pelancongan yang bertaraf dunia di antaranya ialah destinasi tanah tinggi yang berperanan sebagai zon pelancongan. Sementara itu, zon ini turut berfungsi sebagai sumber alam, tempat tinggal habitat, spesis flora dan fauna, sumber mineral dserta daya tarikan pelancongan kerana suhunya yang sederhana sejuk dan nyaman (Yahaya, 2009). Malah turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi dan penyediaan perkhimatan bagi penduduk setempat (Mohd Suhaily et al., 2014).

Di peringkat antarabangsa, tanah tinggi merupakan kawasan yang menarik untuk pelancongan, petempatan, pertanian, khazanah flora serta fauna dan rekreasi terutamanya di negara tropika panas (Asian Development Bank, 1998; Lonely Planet, 2015). Beberapa negara Eropah seperti Switzerland, Perancis, Sweden, Banjaran Rocky di Amerika Utara, Banjaran Andes di Amerika Selatan dan Pergunungan Everest serta Pergunungan Alps merupakan kawasan tanah tinggi begitu terkenal dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa (Yee & Chan, 2006)

Sehubungan itu, kebanyakan negara di dunia mula terkenal dengan destinasi utama pelancongan tanah tinggi kerana kejayaan dalam menjalankan perancangan, pengurusan dan pembangunan terhadap produk tersebut antaranya, di New Zealand, pihak kerajaan telah

menggalakkan penjagaan kualiti alam sekitar di kawasan pergunungan, berbukit bukau serta pengurusan rekreasi glasier ais sehingga dianggap sebagai syurga dunia dan menjadi negara yang pelancongan telah menggalakkan reka bentuk landskap yang menarik di kaki bukit dan kawasan pergunungan (Kumaran & Ainuddin, 2006). Di samping itu, Switzerland telah menjalankan penambahbaikan rekreasi meluncur dan aktiviti mendaki di Pergunungan Matterhorn yang terletak di Banjaran Alps supaya dapat mengekalkan pemandangan yang indah, musim panas dan sejuk yang nyaman dan bersalji. Selain itu, galakan pusat peranginan di kawasan perkampungan di Banjaran Alps turut diutamakan contohnya di perkampungan Zarmeeet, Saasfee dan Leukubad (Chan, 2010). Justeru itu, kawasan tanah tinggi kini semakin terkenal bukan sahaja di negara Eropah barat malah di kawasan negara-negara Asia lain di dunia paling kerap dikunjungi oleh pelancong (Chan, 2006).

Di kawasan Asia Tenggara terutama di Malaysia, taburan tanah tinggi di Semenanjung Malaysia adalah merentasi Banjaran Titiwangsa, manakala tanah tinggi di Malaysia Timur melibatkan banjaran Iran dan Banjaran Crocker. Secara umumnya, pelancongan tanah tinggi, didefinisikan sebagai pergerakan pelancong di kawasan yang mempunyai ketinggian lebih daripada 300 meter dari aras laut (Chan & Brow, 2010). Kawasan pelancongan tanah tinggi di Malaysia merupakan kawasan percutian yang kaya dengan pelbagai sumber alam, sumber air, pelbagai logam, mineral serta habitat pelbagai spesis flora dan fauna malah mampu menjadi perangsang kepada pembangunan ekonomi negara.

Antara kawasan pelancongan tanah tinggi di negara ini seperti Genting Highlands, Bukit Tinggi, Cameron Highlands dan Bukit Fraser (Pahang), Bukit Bendera (Pulau Pinang), Bukit Larut (Perak), Gunung Jerai dan Gunung Mat Cincang (Kedah), Taman Negara Mulu (Sarawak), Gunung Stong (Kelantan) dan Taman Negara Kinabalu (Sabah) (Suriati et al., 2006; Chan, 2010). Produk ini turut menyediakan pelbagai aktiviti yang pelbagai seperti acara pengembaraan, lawatan dan ekspedisi khas supaya para pelancong boleh menyertai pelbagai aktiviti berkaitan alam semula jadi dan tanaman tanah tinggi. Keistimewaan dan keunikan inilah yang menjadi tarikan berbeza dari produk pelancongan yang lain.

Menurut Chan (2006), sejarah pembangunan tanah tinggi di Malaysia bermula sejak zaman penjajah apabila kawasan tanah tinggi dibangunkan sebagai kawasan rehat dan pusat rawatan. Namun sejak negara mendapat kemerdekaan pada 1957 dan mengalami pembangunan ekonomi sekitar tahun 1970an dan 1990an, pembangunan di kawasan tanah tinggi telah mengalami perubahan yang pesat tanpa mengambil kira kepentingan alam sekitar seperti pembinaan empangan, lebuhraya, penginapan, pembalakan dan pelancongan. Namun, ketidakseimbangan pembangunan ekonomi di samping meminggirkan alam sekitar telah membawa kepada kemerosotan alam sekitar yang teruk sekiranya ia tidak ditangani dengan segera. Hal ini diakui oleh beberapa pengkaji sebelum ini, antaranya Badaruddin (2002), Daniel (2006), Hashim, Aini Hayati (2006) serta Chan et al. (2013).

Oleh yang demikian, penekanan terhadap produk pelancongan tanah tinggi telah diberi tumpuan apabila dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) hingga kini, kerajaan telah menggalakkan pelancongan tanah tinggi seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP) 2020 (Pelan Strategik: Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia: MTTP 2020) di bawah Program Transformasi Ekonomi, 2010. Tumpuan diberikan terhadap pemuliharaan daya tarikan semula jadi seperti perlindungan haiwan liar, taman negara, tanah tinggi, kawasan hutan simpan rekreasi, air terjun, kawasan pergunungan, manakala menerusi Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia 2020 turut diberi penekanan terhadap penambahbaikan ke atas dasar dan strategi pelancongan tanah tinggi di peringkat negara, negeri dan wilayah. Antaranya melibatkan Kualiti Alam Sekeliling, 1974; garis panduan pembangunan kawasan Tanah Tinggi (menggalakkan pelancongan domestik dan antarabangsa); Pematuhan serta Pemakaian Garis Panduan Tanah Tinggi (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, 2005). Ini merupakan tindakan serius dan keprihatinan pihak kerajaan terhadap kepentingan menjaga khazanah alam sebagai aset penting di kawasan pelancongan tanah tinggi untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Oleh itu, pelancongan tanah tinggi di Malaysia mampu dijadikan destinasi utama pelancongan negara bukan sahaja mempunyai daya tarikan tetapi faktor dasar pelancongan negara, hasil pendapatan negara dan peningkatan pergerakan pelancong yang mampu mempromosikan industri pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa.

## Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah deskriktif iaitu melalui analisis dokumen kerajaan. Dokumen kerajaan seperti Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002, Rancangan Tempatan Cameron Highlands 1998-2010 dan Pelan induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2008-2025) dijadikan instrumen utama. Dasar dan strategi turut dikaji terutama dalam perancangan pembangunan tanah tinggi khususnya di kawasan Tanah Tinggi Cameron.

## Kawasan kajian

Cameron Highlands atau Tanah Tinggi Cameron merupakan sebuah pusat peranginan tanah tinggi yang terkenal di Semenanjung Malaysia. Cameron Highlands merupakan daerah yang terkecil di Negeri Pahang yang terletak di Banjaran Titiwangsa pada aras 1070 meter hingga 1830 meter dari aras laut. Kawasan ini melibatkan 3 mukim utama iaitu Mukim Ulu Telom, Tanah Rata dan Ringlet dengan 9 buah pusat petempatan kecil (Rancangan Tempatan Cameron Highlands, 2002-2015). Daerah ini mempunyai keluasan kira-kira 71,218 hektar dengan jumlah penduduk seramai 30,495 orang (Laporan Statistik Negeri Pahang, 2014). Puncak tertinggi bagi tanah tinggi Cameron adalah Gunung Brinchang yang mempunyai ketinggian 2031 meter (6666 kaki) dari aras laut. Jalan perhubungan utama ke Cameron Highlands adalah melalui Tapah melalui Lebuhraya Utara Selatan dan Simpang Pulai, manakala pintu masuk utama iaitu Kg. Raja bagi pelancong dari Ipoh (Perak) dan Gua Musang (Kelantan). Tarikan utama adalah produk pelancongan berasaskan pertanian dan alam semula jadi, manakala antara tarikan lain ialah Taman Rama-rama, *Rainbow Garden*, *Market Square* dan *The Smoke House*. Daya tarikan ini memberi ruang dan peluang kepada pihak kerajaan dan swasta menjalinkan hubungan yang konstruktif untuk meningkatkan produk pelancongan tanah tinggi di kawasan ini (Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang, (PTTP), 2015 (Rajah 3 & 4).



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2002-2015

**Rajah 3.** Kedudukan Tanah Tinggi Cameron Highlands di Negeri Pahang



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015

**Rajah 4.** Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands

## Hasil kajian

Analisis kajian akan membincangkan potensi dan cabaran Cameron Highlands sebagai produk pelancongan tanah tinggi. Di samping itu, dasar dan strategi dalam pembangunan pelancongan tanah tinggi turut dikaji bagi memajukan Cameron Highlands sebagai produk pelancongan utama tanah tinggi.

### *Dasar dan strategi pelancongan dalam konteks Negeri Pahang dan Cameron Highlands*

Bagi merealisasikan pelaksanaan produk pelancongan khususnya pelancongan di kawasan tanah tinggi, berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2001, Rancangan Tempatan Cameron Highlands, Pelan induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2008-2020) dan menerusi kerjasama pihak pihak organisasi ECER 2008-2020 dan Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang (PTTP) 2015, telah menggariskan beberapa perkara untuk dilaksanakan antaranya:

1. Pembentukan arah tuju strategi pembangunan pelancongan Negeri Pahang dan Rancangan Tempatan, pancuan mencapai visi, misi dan strategik taktikal untuk pelaksanaan. "Pahang sebagai Destinasi pelancongan Utama menjelang tahun 2015" dalam dasar pelancongan Pahang "Mengorak Langkah Merealisasi Wawasan".
2. Cadangan rangka kerja, wawasan dan objektif pembangunan di ECER antara tahun 2008-2020, penggunaan akta dan garis panduan bagi pembangunan di kawasan tanah tinggi sama ada melibatkan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dan khususnya di Cameron Highlands.
3. Penggunaan semula matlamat, konsep dan pelaksanaan dasar dari Rancangan Struktur Negeri Pahang 2001, diterjemahkan ke dalam Rancangan Tempatan Cameron Highlands mengikut kesesuaian kawasan.

Sementara itu, dilihat dari segi ruang dan konteks dalam pembangunan wilayah ECER, pembangunan di Negeri Pahang adalah berasaskan pembangunan sumber alam terutama di kawasan tanah tinggi harus dipelihara untuk kepentingan pada masa depan. Justeru itu, pendekatan telah diambil antaranya:

1. Pemantauan pembangunan di kawasan tanah tinggi dimana pengawalan terhadap pembangunan fizikal dan pertanian yang boleh memberi kesan kepada berlakunya hakisan tanah dan sungai menjadi cetek.
2. Pengekalan ekosistem iaitu pengurusan alam sekitar yang mampan dan pengurusan lembangan sungai yang bersepadu sebagai langkah pengawalan terhadap berlakunya banjir dan hakisan.

Pendekatan ini adalah untuk memastikan keseimbangan pembangunan sumber alam secara menyeluruh di kawasan wilayah ECER.

Berdasarkan Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang (PTTP) 2015, telah menggariskan beberapa langkah perancangan untuk pelancongan tanah tinggi. Pelan yang digariskan adalah selaras dengan matlamat pembangunan negeri Pahang dan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia 2020 (Jadual 1).

**Jadual 1. Strategi Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang**

Strategi	Tumpuan
Perancangan dan pelaksanaan	Objektif, fungsi dan kekuatan Cameron Highlands Pembangunan dan pengembangan pelancongan tanah tinggi Tumpuan terhadap pelaksanaan pelan tindakan bagi pelancongan “Highlands” sebagai destinasi pelancongan 2015 Pembangunan produk pelancongan tanah tinggi termasuk memelihara serta mengekalkan sumber alam semula jadi yang sedia ada, nilai estetik dan rekreasi orang ramai Pembangunan potensi pelancongan tanah tinggi berhubungan aktiviti, sumber, penyelidikan, persekitaran, kemudahan dan tarikan tempat berdasarkan unsur kualiti, menarik dan memikat Penyediaan pelan penambahbaikan ikon pelancongan tanah tinggi, termasuk mempelbagaikan aktiviti, memodenkan, dan mengkomersialkannya
Pelan tindakan untuk perancangan strategik	Perkongsiian pintar dengan pengusaha pelancongan Menyediakan kelendar atau acara dan program latihan Pembangunan untuk aktiviti pelancong.
Inisiatif	Melindungi, menguruskan, memulihara, memelihara, dan meningkatkan produk pelancongan Membangunkan secara mampan sumber asli alam sekitar Memelihara sumber perhutanan, ekosistem, hutan, taman dan kawasan lapang di kawasan tanah tinggi

Sumber: Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang, 2015

Sehubungan dengan itu, melalui Pelan Rancangan Tempatan Cameron Highlands (1998-2010) telah menggariskan matlamat dan pelaksanaan dasar pembangunan Cameron Highlands sebagai pusat peranginan bukit yang berkualiti dan berupaya meningkatkan tempoh lawatan dan perbelanjaan pelancongan”. Beberapa strategi telah diambilkira (Jadual 2) antaranya:

**Jadual 2. Strategi pelancongan di Cameron Highlands**

Strategi	Tumpuan
Perancangan dan pelaksanaan	Pembentukan cadangan dan garis panduan Pembangunan pelancongan di Cameron Highlands perlu dikawal berdasarkan akta dan piawaian perancangan khususnya kawasan tanah tinggi
Produk pelancongan	Pelancongan semula jadi ekolancong, agrolancong dan pelancongan kebudayaan warisan Pembangunan yang seimbang dan berkekalan
Pemasaran pelancongan	Pasaran domestic Singapura, Asia Timur dan Eropah Pasaran baru pelancong
Tumpuan lokasi	Kg Raja-Rekreasi Kuala Terla- Pelancongan berasaskan etnik Tringkap- Agrolancong dan pertanian Brinchang-Pelancongan kebudayaan dan warisan Tanah Rata- Pelancongan agro, pelancongan kebudayaan dan warisan Habu-Layar, memancing dan bot

Infrastruktur dan kemudahan	Ringlet- Industri agro/ekuestrian Memperbaiki kemudahan darat Merancang dan melaksanakan laluan pejalan kaki Pembangunan teknologi maklumat Membangunkan penginapan jenis bukan hotel seperti homestay untuk 'bed and breakfast' dan perkhemahan
-----------------------------	--

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015

Laporan ECER (2008-2020), Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang (PTTP) 2015, Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2001 dan Rancangan Tempatan Cameron Highlands telah membuka lembaran baru dengan menambahkan idea-idea baru agar dapat menarik para pelancong menikmati keindahan alam semula jadi di kawasan tanah tinggi khususnya di Tanah Tinggi Cameron Highlands.

*Potensi*

Di merata negara di dunia ini, kawasan tanah tinggi merupakan kawasan yang menarik untuk dikunjungi. Namun pembangunan pelancongan di kawasan tanah tinggi adalah bergantung kepada beberapa potensi seperti mutu perkhidmatan, tarikan tempat, aktiviti rekreasi, persekitaran semula jadi dan kemudahan perhubungan (Suriati et al., 2006; Chan, 2010). Faktor ini merupakan aset penting untuk pembangunan di kawasan tanah tinggi (Jadual 3).

**Jadual 3. Potensi pelancongan di Cameron Highlands, 2015**

Potensi	Perincian
Produk pelancongan	Alam semula jadi, hidupan liar, bunga-bunga, spesis hidupan liar, air terjun dan perkampungan orang asli dan taman
Imej pelancongan	Dikenali destinasi pelancongan tanah tinggi
Kemudahan pelancongan	Kemudahan penginapan, pusat informasi, agensi pelancongan dan kemudahan awam
Aksesibiliti	Kemudahan jalan masuk ke lokasi Ringlet-Industri agro/ekuestrian Memperbaiki kemudahan darat Merancang dan melaksanakan laluan pejalan kaki Pembangunan teknologi maklumat
Pembangunan produk ekopelancongan	Membangunkan penginapan jenis bukan hotel seperti homestay untuk 'bed and breakfast' dan perkhemahan
Kemasukan pelancong	Menaiktaraf denai, <i>nature interpretative centre</i> dan promosi sekitar
Bentuk pelancongan	Peningkatan kemasukan pelancong tahun 2008-2014 Berasaskan produk pelancongan, pertanian dan keindahan alam semulajadi

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015

*Produk pelancongan*


Dari sudut pandangan Kerajaan Negeri Pahang, Cameron Highlands merupakan suatu kawasan berpotensi tinggi bagi pelaksanaan pembangunan produk pelancongan tanah tinggi. Ini disebabkan kawasan Cameron Highlands merupakan sebahagian dari alam sekitar yang memiliki kehidupan flora dan fauna, termasuk tanaman teh, bunga-bunga, hutan pergunungan, air terjun dan taman-taman. Selain itu, tarikan lain adalah kawasan penempatan Orang Asli di Lembah Ruil. Keunikan budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli dilihat sebagai satu sumber tarikan pelancongan di Cameron Highlands (Jadual 4 dan Rajah 5).



**Jadual 4. Tarikan pelancongan di Cameron Highlands, 2015**

Produk pelancongan	Tumpuan tarikan
Alam Semula	Flora dan fauna
Pertanian	Ladang teh, bunga, sayuran dan buah-buahan
Spesis Bunga	Jenis-jenis bunga seperti Chrysanthemum, Peacock, Anthorium, Lily
Spesies pokok hutan	Geruk, Bintangor, Nyatoh, Medang, Kelat, Perah, Mempening, Berangan, Pedo Bukit, Mata Ulat, Mahang, Meranti Bukit, Merbau dan Mersawa
Air Terjun	Air terjun Robinson
Perkampungan Orang Asli	Perkampungan orang Asli di Lembah Ruil yang mengamalkan kehidupan budaya asli
Hutan	Hutan Simpan Kekal Batu Gangan, Hutan Simpan Kekal Mentigi, Hutan Simpan Kekal Ulu Lemoi, Hutan Simpan Kekal Sungai Kial dan Hutan Pergunungan Gunung Brinchang
Taman	Taman Rama-rama, Taman kaktus, Taman Lebah, Taman Ros, Taman Strawberry dan Taman Kulat/Cendawan

Sumber: Disesuaikan dari Laporan Wilayah Pantai Timur, 2008; Hutan Pergunungan Cameron Highlands, 2014, Rancangan Tempatan Cameron Highlands, 2002-2015



Sumber: Diubahsui dari Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015

**Rajah 5. Kawasan pelancongan di Cameron Highlands**

*Imej pelancongan*

Cameron Highlands terkenal sebagai salah satu destinasi pelancongan tanah tinggi di Malaysia. Pelancong dan pengunjung datang ke Cameron Highlands untuk menikmati cuaca dingin dan udara

yang nyaman selain daripada membeli produk berasaskan pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga. Cameron Highlands mempunyai pelbagai bangunan seni bina Inggeris yang berasaskan konsep 'Tudor' yang turut menarik pelancong tempatan dan asing. Selain itu, para pelancong juga boleh menyertai aktiviti di kawasan tanah tinggi iaitu *abseiling, mountain biking, house-riding dan bird-watching*.

#### *Kemudahan pelancongan*

Cameron Highlands menyediakan pelbagai kemudahan pelancongan antaranya penginapan 77 unit hotel dengan jumlah 1744 buah bilik dari pelbagai kategori termasuk 11 unit rumah dengan 28 bilik kemudahan homestay (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2015). Kemudahan homestay secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk terlibat dalam memajukan industri pelancongan di daerah ini (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2015).

Selain itu, kawasan kajian turut menyediakan pusat informasi pelancong. Pusat ini disediakan dengan tujuan untuk menyebarkan maklumat dan memberi penerangan kepada pelancong yang berkunjung ke Cameron Highlands. Selain itu, agensi pelancongan turut disediakan. Terdapat sebanyak Sembilan (9) buah agensi pelancongan yang berdaftar dan beroperasi di Cameron Highlands. Agensi ini menyediakan pelbagai pakej menarik untuk pelancong termasuk pakej lawatan, penginapan dan sebagainya. Bagi memudahkan aktiviti lawatan, seramai 12 orang pemandu pelancong berasaskan alam semula jadi (*nature guides*) bertauliah turut disediakan.

#### *Aksesibiliti*

Cameron Highlands mempunyai aksesibiliti yang baik melalui barat, utara dan timur. Empat pintu masuk utama bagi kawasan ini adalah dengan melalui:

1. Tapah, jalan masuk yang terletak melalui Negeri Perak
2. Gua Musang-Loging, jalan masuk terletak di Negeri Kelantan
3. Simpang Pulai, jalan masuk yang terletak di Utara Negeri Perak
4. Sg. Koyan melalui Pos Betau

Cadangan strategi yang melibatkan koridor Utara-Tengah-Selatan yang menghubungkan Cameron Highlands-Lipis-Jalan Tanah Tinggi telah memberi ruang dan faedah kepada masyarakat setempat untuk menikmati kemudahan yang sediakan.

### **Pembangunan produk eko-pelancongan**

Pelaksanaan produk ekopelancongan di Cameron Highlands boleh diperkukuhkan lagi dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan yang dapat meningkatkan lagi rasa penghargaan "*sense of appreciation*" oleh pelancong terhadap keindahan dan kekayaan alam semula jadi hutan di kawasan tersebut. Antara pembangunan yang boleh dilaksanakan adalah, i) menaiktarafkan denai-denai hutan; ii) membangunkan "*Nature Interpretative Centre*" yang bertauliah; iii) meningkatkan bilangan pemandu pelancong alam semula jadi (*nature guide*) yang bertauliah; dan iv) menggunakan bahan iaitu bahan kajian ilmiah sebagai bahan promosi dan informasi sekitar.

#### *Taburan kemasukan pelancong*

Trend kemasukan pelancong ke Cameron Highlands dari tahun 2008-2013 memperlihatkan kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa secara berterusan dan menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Jadual 5 memberikan gambaran terperinci jumlah kedatangan pelancong asing dan tempatan ke Cameron Highlands. Didapati kemasukan pelancong domestik mencatat jumlah yang tinggi iaitu sejumlah 457,830 orang pada tahun 2008 dan meningkat kepada 527,613 orang pada tahun 2010. Jumlah ini semakin meningkat kepada 568,055 orang pada tahun 2013 dan mengalami sedikit penurunan kepada 445,525 orang dalam tahun 2014. Namun, catatan keseluruhan pelancong ke

Cameron Highlands mendapati pelancong domestik mencatatkan peratusan yang tinggi berbanding pelancong antarabangsa (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2015).

Kedatangan pelancong asing mencatatkan 234, 916 orang pada 2008 dan meningkat kepada 265,786 orang pada tahun 2011 tetapi mengalami sedikit penurunan di kalangan pelancong asing kepada 180,224 orang pada 2012 dan 130,507 orang sehingga September 2015. Pelancong luar negara terdiri dari Singapura, Thailand, Belanda, Jepun, United Kingdom, Saudi Arabia, Jerman, Sweden, Amerika Syarikat, Perancis dan Australia (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2016). Berdasarkan jadual tersebut, berlaku sedikit penurunan pelancong domestik dan antarabangsa pada tahun 2014 kerana negara mengalami bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir di akhir tahun 2014 terutama di wilayah ECER. Kesan dari bencana tersebut banyak lokasi pelancongan mengalami kerosakan dan memerlukan masa untuk dibaikpulihkan semula.

**Jadual 5. Data kemasukan pelancongan ke Cameron Highlands 2008-2015**

Tahun	Kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa				
	Jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia (juta)	Jumlah pelancong (Pahang)	Jumlah keseluruhan (Cameron Highlands)	Pelancong domestik	Pelancong antarabangsa
2008	25.05	7,612,903	692,746	457,830	234,916
2009	23.65	9,343,345	713,565	471,204	242,361
2010	24.71	9,541,751	715,575	527,613	187,962
2011	24.71	9,681,124	731,694	465,908	265,786
2012	25.03	9,758,505	689,951	509,727	180,224
2013	25.72	10,637,208	728,131	568,055	160,126
2014	27.44	9,412,531	590,481	445,525	144,956
Hingga Sept 2015	29.34 (anggaran)	10,533,711	678,674	548,167	130,507

Sumber: Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser 2016; Data Statistik Pelancongan Malaysia 2015

### *Bentuk pembangunan*

Situasi sektor pelancongan di Cameron Highlands lebih berasaskan produk pelancongan pertanian dan keindahan alam semula jadi. Justeru, bentuk perancangan pembangunan di daerah tersebut perlu lebih teliti, komprehensif dan mengambil kira kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi bagi memastikan sektor pelancongan di kawasan tersebut agar terus diperkasakan. Bagi mewujudkan penyediaan pelan pengurusan pembangunan di kawasan tanah tinggi yang mapan, pihak berkaitan perlu menyediakan pelan tersebut berdasarkan konsep dan kriteria pengurusan rancangan fizikal negara. Selain itu, pihak berkuasa tempatan perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan garis panduan pembangunan tanah tinggi dapat dijalankan dengan sempurna kerana ia akan merupakan satu langkah kepada pemeliharaan alam semula jadi akan memberi kesan kepada kualiti produk dan akan mengurangkan nilai produk itu sendiri.

### **Cabaran**

Walaupun terdapat pelbagai kelebihan dan potensi di Cameron Highlands sebagai salah satu dari destinasi tanah tinggi yang menarik, namun, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam menjalankan pembangunan di kawasan ini (Jadual 6). Cabaran yang perlu diberi perhatian utama ialah keadaan bentuk muka bumi; integriti kawasan sensitif alam sekitar; kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan; pencerobohan tanah haram; kemasukan pendatang tanpa izin; perubahan fizikal kawasan; cabaran ekonomi; dan cabaran sosio-budaya.

**Jadual 6. Tarikan pelancongan di Cameron Highlands, 2015**

Cabaran	Perincian
Bentuk muka bumi	Berbukit-bukau, lereng bukit dan bercerun rapat
Integriti kawasan KSAS	Topografi dengan garis kontur 150 meter dan kecerunan melebihi 25 darjah
Kerjasama di kalangan pihak berkepentingan	Perlu mendapat kelulusan dari pihak berkepentingan dan mematuhi piawaian pembangunan tanah tinggi
Pencerobohan tanah haram	Penerokaan hutan dan kemasukan pendatang asing secara haram
Perubahan fizikal kawasan	Pencemaran air, tanah runtuh, hakisan dan pembuangan sampah
Cabaran ekonomi	Persaingan peniaga tempatan dan organisasi antarabangsa
Cabaran sosio-budaya	Kesedaran, amalan penduduk tempatan, infrastruktur dan persepsi penduduk terhadap pelancong.

*Sumber:* Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015

#### *Muka bumi (fizikal)*

Keadaan bentuk muka bumi yang berbukit-bukit dan lereng bukit yang curam dengan kecerunan garisan kontur lebih 25 darjah sebanyak 23.3% dan 51% lagi mempunyai kecerunan antara 12-51 darjah (Chan & Brow, 2010), manakala, kedudukannya yang agak jauh dari koridor yang lebih strategik dan berada dengan 1524 meter daripada aras laut (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2000). Berdasarkan kenyataan dari Jabatan Alam Sekitar, cerun yang berada 20-30 darjah diklasifikasikan sebagai berbahaya dan lebih 30 darjah di anggap kritikal untuk diterokai. Pewartaan kawasan ini sebagai kawasan hutan simpan dan hutan pengunungan memberi nilai tambah kepada kawasan ini (Rancangan Struktur Negeri Pahang, Laporan Pemeriksaan, Struktur Negeri Pahang dan Rancangan Tempatan Cameron Highlands, 2002-2015).

#### *Integriti Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)*

Dalam Penjagaan di kawasan Tanah Tinggi, kemapanan kawasan dan pengawalan terhadap kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu dilakukan secara terkawal. Di samping itu pengurusan secara berterusan ke atas kualiti alam sekitar dapat dikekalkan bagi membentuk keseimbangan ekosistem. Selain itu, faktor topografi dengan ketinggian kontur 150 meter dan kecerunan 25-30 darjah turut menghalang sebarang bentuk pembangunan yang ingin dilakukan, kecuali dengan kelulusan agensi yang terlibat (Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2002-2020). Tujuannya adalah untuk melindungi dari sebarang bentuk ancaman pembangunan yang boleh mengganggu keseimbangan alam sekitar termasuk kehidupan flora dan fauna di Cameron Highlands.

#### *Kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan*

Matlamat pembentukan ECER bertujuan menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara wilayah di Malaysia menerusi program-program yang dirangka bertujuan untuk keseimbangan ekonomi penduduk setempat. Namun selepas Highlands diperhalusi secara lebih teliti polisi dan tindakan yang digariskan oleh pengurusan Majlis Daerah Cameron Highlands, didapati tumpuannya lebih diberikan kepada agro pertanian serta keunikan flora dan fauna yang terdapat di Tanah Tinggi Cameron kerana pembangunan pelancongan tanah tinggi Cameron Highlands agak terbatas di atas faktor fizikal (Chan, 2006). Malah, perancangan pembangunan pelancongan terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerumitan dari aspek prosedur kelulusan perancangan (Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands, 2002-2015).

#### *Pencerobohan tanah secara haram dan kemasukan pendatang tanpa izin*

Selain masalah fizikal dan pengurusan perancangan, Cameron Highlands turut menghadapi masalah aktiviti pencerobohan serta penerokaan hutan secara haram. Aktiviti ini menyebabkan beberapa kejadian kemusnahan alam seperti banjir lumpur dan tanah runtuh pada 5 Nov 2014 yang telah

mengakibatkan kemusnahan 80 buah rumah, 100 buah kenderaan dan 5 kematian (Majlis Keselamatan Negara, 2014).

Mengikut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kira-kira 6000 ribu hektar tanah di Cameron Highlands telah dicerobohi dalam tahun 2014 telah dicerobohi dan seramai 36,000 ribu PATI telah dikenal pasti berada di kawasan ini (Majlis Keselamatan Negara, 2014). Seramai 581 PATI telah berjaya ditangkap di lokasi yang berlainan sekitar Cameron Highlands.

Keadaan ini telah menggambarkan terdapat sesetengah pihak yang tidak mematuhi dari segi pelaksanaan undang-undang dan penguatkuasaan di kawasan tanah tinggi ini. Isu penerokaan tanah secara haram ini perlu diatasi dengan segera supaya tidak merosakkan kawasan persekitaran yang boleh mengakibatkan kepupusan spesies tumbuhan tertentu tanpa disedari oleh pihak berwajib. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu menentukan dasar yang jelas berhubung pembangunan yang bersesuaian di Cameron Highlands bagi memudahkan hala tuju penguatkuasaan dan pentadbiran tanah. Ini merupakan cabaran yang cukup besar untuk dilaksanakan khususnya berhubung dengan pemantauan aktiviti peencerobohan tanah secara haram.

#### *Perubahan fizikal kawasan*

Di Malaysia, kawasan tanah tinggi merupakan zon yang sensitif dan kaya dengan sumber alam semula jadi yang menarik. Cameron Highlands terkenal dengan keindahan alam sekitar dan iklim sejuk kini mengalami kemerosotan yang agak serius akibat dari pembukaan hutan secara haram dan pencemaran sumber air (Chan, 2013). Antara tanah tinggi di Malaysia, kawasan tanah tinggi Cameron Highlands mengalami kesan yang paling ketara akibat pembangunan yang tidak terkawal (Borrow et al., 2005; Borrow et al., 2006).

Aktiviti penerokaan tanah untuk tujuan pertanian, petempatan, pembinaan lebuh raya, pembinaan empangan dan kemudahan asas telah menggiatkan aktiviti penebangan hutan. Keadaan ini telah membawa kepada kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan tanah tinggi (Chan, 2006). Kebanyakan pembukaan hutan dan penebangan hutan di cerun bukit yang berkelas dua dan tiga iaitu melebihi dari 30 darjah gradiennya telah menyebabkan hakisan teruk dan tanah runtuh. Contohnya tasik di Ringlet di Cameron Highlands telah menjadi cetek dan tercemar dengan enapan apabila hujan berlaku (Leong, 1992).

Pembuangan sampah sarap oleh pelancong dan pengunjung merupakan salah satu faktor kemerosotan alam sekitar. Keadaan ini berlaku berikutan terdapat pengurusan pembuangan sampah dan sisa pepejal yang masih lemah sekaligus menampakkan kurang kesedaran penjagaan alam sekitar, khususnya di Cameron Highlands (Chan, 2013).

#### *Cabaran ekonomi*

Penglibatan penduduk tempatan dalam pembangunan pelancongan adalah aspek yang penting dalam usaha mencapai pembangunan mapan. Namun pembangunan pesat di kawasan tinggi khususnya di kawasan Cameron Highlands telah mengganggu sebahagian dari penduduk asal yang bergantung hidup ekonomi kepada sumber hutan iaitu masyarakat Orang Asli (Suriati, 2006). Pembangunan tersebut telah memasuki tanah warisan orang Asli, tempat tinggal dan sumber pendapatan utama mereka (Nicholas, 2000).

Sementara itu, kewujudan sokongan dan penerimaan positif dari penduduk sekitar adalah antara faktor kejayaan dalam pembangunan pelancongan di Cameron Highlands. Dalam hal ini, pihak kerajaan perlu menyediakan skim tempatan untuk menyediakan peluang perniagaan penduduk tempatan. Namun kebanyakan perniagaan dalam sektor pelancongan ini banyak dimonopoli dalam kalangan organisasi antarabangsa yang berskala besar. Keadaan ini mengganggu peluang kepada masyarakat tempatan khususnya kepada mereka yang masih pada tahap yang kurang memberangsangkan dan tidak kompetitif. Hal ini memberi peluang kepada mereka ahli perniagaan yang berskala besar dan mempunyai pengalaman yang luas untuk menarik pelancong contohnya mutu perkhidmatan, penginapan, pakej pengembaraan, mempromosikan masakan tempatan dan pemandu

pelancong yang bertauliah. Keadaan ini memberi persaingan kepada masyarakat tempatan yang tidak cukup dari segi kemahiran dan hal perniagaan (Borrow, 2005).

### *Cabaran sosio-budaya*

Tahap kefahaman, kesedaran, amalan penduduk tempatan dan penyediaan infrastruktur sosial yang sempurna adalah satu cabaran utama dalam menentukan persepsi penduduk terhadap kehadiran para pelancong kerana peranan masyarakat setempat merupakan faktor utama menjadikan destinasi pelancongan tanah tinggi di Cameron Highlands khususnya terus berkembang (Suriati, 2006). Kemasukan pelancong akan memberi perubahan terutama dalam aspek sikap, demografi, kos sosial dan ekonomi. Keadaan ini sekaligus akan mempengaruhi kehidupan, perumahan dan struktur sosial setempat (Daniel, 2006). Walaupun ianya agak menguntungkan tetapi aspek keselamatan terhadap pelancong mempengaruhi kedatangan pelancong.

Dari segi kemudahan infrastruktur sosial dan utiliti di kawasan ini berada pada tahap kurang memuaskan berikutan kawasan ini telah dikategorikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) tahap 2 dan 3 (Jabatan Alam Sekitar, 2012). Keadaan ini telah menghalang sebarang bentuk pelan pembangunan yang lebih strategik kerana ia dikhuatiri akan menyumbang kepada kemusnahan alam semula jadi khususnya kepada habitat flora dan fauna. Namun, alternatif perlu dicari agar masyarakat di kawasan tanah tinggi ini berupaya membangun seiringan dengan masyarakat Malaysia yang lain.

Kekurangan kemudahan laluan perhubungan, boleh dipertingkatkan dengan menaik taraf laluan penghubung utama yang dikenali sebagai koridor Utara-tengah-Selatan iaitu menghubungkan Cameron Highlands-Lipis-Jalan Tanah Tinggi dan Simpang Pulai-Kg. Raja dari arah Kuala Lumpur dan Perak (Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2001-2020). Namun begitu, bentuk pengangkutan awam yang ada di kawasan ini amat terbatas dan menyumbang kepada kesukaran untuk diakses oleh pelancong asing khususnya.

Penyediaan kualiti perkhidmatan dan perhubungan amat diperlukan di kawasan pelancongan tanah tinggi kerana para pelancong berpeluang untuk meninjau kawasan persekitaran sepanjang mereka berada di kawasan tersebut. Tahap kepuasan pelancong merupakan satu faktor utama dalam pembangunan tanah tinggi.

## **Kesimpulan**

Keunikan Cameron Highlands adalah aset semula jadi yang kaya dengan hutan pergunungan, kawasan agro pelancongan, taman, bunga-bunga dan spesis flora dan fauna yang perlu dipelihara. Keunikan ini menjadikannya berpotensi besar sebagai satu produk pelancongan tanah tinggi yang utama di wilayah ECER. Kewujudan kepelbagaian sumber tarikan alam semula jadi di samping keadaan topografi yang cukup menarik menjanjikan kawasan ini bakal dikunjungi ramai.

Justeru pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, dan pihak swasta yang terlibat secara langsung perlu membentuk kerjasama erat demi menjaga kepentingan Cameron Highlands khususnya sebagai produk pelancongan tanah tinggi yang mapan. Namun dalam masa yang sama semua pihak perlu menyedari bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang berpotensi untuk mengalami bencana persekitaran seperti pencerobohan tanah haram, hakisan tanah, tanah runtuh, banjir lumpur, pendedahan sungai sekiranya beberapa perkara tidak dipatuhi terutama dalam aspek penguatkuasaan dan garis paduan pembangunan tanah tinggi. Justeru, disarankan agar pihak kerajaan tempatan perlu menjalankan penguatkuasaan yang lebih terancang dan pematuhan kepada garis panduan pembangunan tanah tinggi perlu diamalkan. Pembangunan di kawasan tanah tinggi tidak akan berjalan dengan efektif dan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan dari orang awam, kerajaan dan badan bukan kerajaan.

## Rujukan

- Asian Development Bank (1998) Highland Agriculture Development Project (Loan 802-PHI) Evaluation Report. Available from: www.adb.org.
- Badaruddin Mohamed (2002) The development of ecotourism in Malaysia-Is it really sustainable? *International Year of Ecotourism 2002. Regional Conference On Community Based Ecotourism in Southeast Asia*. Chiang Mai, Thailand.
- Borrow CJ (2006) Sustainable agriculture in the Cameron Highlands, Malaysia. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues and challenges in sustainable development*, pp. 62-75. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Barrow CJ, Clifton J, Chan NW, Tan YL (2005) Sustainable development in Cameron Highlands, Malaysia. *Malaysian Journal of Environmental Management* 6, 41-57.
- Chan NW, Asyirah Abdul Rahim, Narimah Samat, Jamaluddin Md Jahi (2013) Masalah pembangunan tanah tinggi dan pengurusannya di Malaysia. *Persekitaran Alam Melayu*.
- Chan NW (2006) Striking a balance between development and environment in Cameron Highlands. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues & challenges in sustainable development*, pp. 12-55. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Chan NW (2006) *Cameron Highlands: Issues & Challenges in Sustainable Development*. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Chan NW dan Barrow J (2010) The potential for tourism to support sustainable development in Cameron Highlands. In: Kadir Din, Jabil Mapjabil (eds) *Tourism research in Malaysia: What, which way and so what*, pp. 107-130. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Chan NW, Kung HT (2004) Issues and prospects of sustainable development in Cameron Highlands, Malaysia. *International Conference "59th Annual Meeting of the Southeastern Division of the Association of American Geographers (SEDAAG, Biloxi, Mississippi)*.
- Chan NW, Suriati Ghazali, Norizan Md Nor (2006) Change and heat island effects in Cameron Highlands. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues & challenges in sustainable development*, pp. 35-55. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Daniel V (2006) The role of REACH in environmental conservation – Awareness, education and monitoring. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues & challenges in sustainable development*, pp. 114-120. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Edo J, Fadzil KS (2003) Orang asli Facing the 21<sup>st</sup> Century: Exploring issues and challenges. *Man and Society*, 13.
- Hashim GM, Aini Hayati, Abdul Rahaman (2006) Soil erosion and water pollution in Cameron Highlands: Conservation and strategies. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues & challenges in sustainable development*, pp. 76-85. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Hanifah Abd Talib (2014) *Potensi Cameron Highlands sebagai destinasi ekopelancongan*. Hutan pergunungan Cameron Highlands: Pengurusan, persekitaran fizikal dan kepelbagaian biologi, 17-22.
- Jabil Mapjabil, Chan Ngai Weng, Norizan Md Nor, Suriati Ghazali (2012) *Pelancongan di Malaysia: Isu-isu terpilih*. Pengetahuan, sikap dan amalan dalam ekopelancongan tanah tinggi di Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Jabil Mapjabil, Chan Ngai Weng, Ahmad Tharmizzie (2007) *Pelancongan tanah tinggi di Malaysia: Isu dan cabarannya*. *Pesidangan Geografi Kebangsaan*. Universiti Malaya.
- Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (2001) *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pahang, 2001-2020*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.
- Kumaran S dan Ainuddin A (2006) Forest, water and climate of Cameron Highlands. In Chan, Nw (ed) *Cameron Highlands: Issues & Challenges in Sustainable Development*. Penang: School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Kerajaan Negeri Pahang (2015) *Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser 2016*. Pelancongan Negeri Pahang.

- Kerajaan Negeri Pahang (2005) *Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser 2005*. Pelancongan Negeri Pahang.
- Kerajaan Negeri Pahang (2015) *Pelan Transformasi Pelancongan Negeri Pahang, 2015*. Pelancongan Negeri Pahang.
- Leong YK (1992) Conservation and development of Cameron Highlands. In: Lim RP, Lee SW. (eds) *Hill development: Proceedings of the Seminar*, pp. 20-35. Malayan Nature Society, Kuala Lumpur.
- Lonely planet (2015) *Introducing central highlands*. Available from <http://www.lonelyplanet.com/vietnam/centralhighlands15/4/2015>.
- Nicholas C (2000) *The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia*. Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Majlis Keselamatan Negara (2014) *Laporan Statistik, Majlis Keselamatan Negara (2014)*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Majlis Daerah Cameron Highlands (1998) *Rancangan Tempatan Cameron Highlands (2002-2015)*. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2005) *Garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi*. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- Mohd Suhaily Yusri Che Ngah, Mazdi Marzuki, Abdul Jalil Ishak (2014) Impak pembangunan terhadap alam sekitar di Cameron Highlands: Keberkesanan dan perubahan. *Pesidangan Geografi Kebangsaan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suriati Ghazali, Chan NW, Norizan Md Nor (2006) The economic and socio-cultural impacts of ecotourism on the Orang Asli in Cameron Highlands, Pahang, Malaysia. In: Chan NW (eds) *Cameron Highlands: Issues & challenges in sustainable development*, pp. 94-106. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Vogt DS (2001) Secondary forest in Swidden agriculture in the highlands of Thailand. *Journal of Tropika Forest Science* 13(4):748-767.
- Yee SK, Chan NW (2006) *Tourism in the Cameron Highlands: Issues, Prospects and Challenges Development*. Penang: School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.
- Yahaya Ibrahim (2009) *Pelancongan Malaysia: Isu pembangunan, budaya, komuniti dan petempatan: Pembangunan dan pemeraksanaan*, Edisi 1. Universiti Utara Malaysia.